

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1986/87

YUP 405 - Perhubungan Awam

Tarikh: 9 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh.  
( 3 jam )

---

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

1. Huraikan perbezaan-perbezaan utama di antara Perhubungan Awam dan Pengiklanan. Terangkan dua situasi di mana perbezaan di antara Perhubungan Awam dan Pengiklanan adalah kurang jelas.
2. Senaraikan empat (4) petunjuk kejayaan pada mana-mana kampen Perhubungan Awam. Apakah beberapa daripada kekuatan dan kelemahan pada setiap petunjuk yang dibincangkan?
3. Apakah ciri-ciri utama di dalam pemasaran sosial? Apakah perbezaan-perbezaan di antara pemasaran sosial dan pemasaran komersial?
4. Terangkan beberapa larangan (taboos) di Malaysia yang bertindak sebagai halangan kepada sama ada Pengiklanan atau Perhubungan Awam. Anda dikehendaki menyenaraikan halangan-halangan ini dan terangkan beberapa cara di mana Perhubungan Awam boleh mengelak dan mengatasi halangan-halangan tersebut.
5. Anda dikehendaki menyenaraikan dan menentukan strategi-strategi yang boleh digunakan oleh Perhubungan Awam untuk mencapai beberapa daripada objektif-objektif di bawah ini:
  - i. untuk menanamkan kesetiaan syarikat di kalangan pekerja-pekerjanya,
  - ii. untuk membentuk keyakinan semula bagi syarikat penerbangan setelah berlakunya ke atas salah satu daripada pesawatnya,
  - iii. untuk mewujudkan kembali kesetiaan jenama sesuatu keluaran yang telah menghadapi peniruan.

...2/-

6. Berdasarkan pengulasan Zimbardo penemuan mengenai pengubahan pendapat, apakah taktik-taktik yang anda akan amalkan untuk mempersempit sesuatu isu kontroversial oleh satu punca yang berkredibiliti tinggi kepada audien sasaran yang berpendidikan tinggi. Dalam kes ini, audien anda masih belum menunjukkan pendirian apa-apa secara publik ke atas isu ini (have not taken a public stand on the issue).
7. Kenalpastikan mana satu halangan sosial/budaya kepada kempen Perhubungan Awam (contoh prasangka terhadap pendermaan organ manusia). Bincangkan satu strategi untuk mengatasi halangan ini.

60  
360  
360  
360

-000000000-